

CERPEN-CERPEN TAMIL MALAYSIA DALAM TAHUN 1930AN
– SATU PANDANGAN UMUM.

M. KRISHNAN

Pengenalan

Pengaruh Hindu di dalam kesusasteraan Melayu bermula pada awal kurun keempat¹. Pada awal kurun kesebelas pula Raja Chola telah menyerang Tanah Melayu dan mengasaskan kerajaan Tamil di negara ini. Peristiwa ini menjadi punca untuk berlakunya pengendalian sastera Tamil dan sebagai langkah pertama perkataan-perkataan Sanskrit yang terdapt dalam bahasa Melayu telah mula diubahsuai dengan perkataan-perkataan bahasa Tamil². Pengaruh Sastera Hindu menjadi semakin kuat dan keadaan ini berterusan sehingga zaman Kesultanan Melaka. Tetapi pengaruh ini pupus setelah Islam mula bertapak di rantau ini. Kedatangan Islam mempengaruhi kesusasteraan tempatan yang mana mengalami perubahan dengan kemasukan unsur-unsur Islam. Justeru itu sastera Hindu iaitu sastera yang berasal dari India telah mula hilang identitinya di negara ini.

Walau bagaimanapun kesusasteraan Tamil yang merupakan suatu cabang daripada sastera Hindu telah bertapak semula dalam kurun kesembilan belas apabila penjajah Inggeris membawa masuk golongan kaum India dari India Selatan. Oleh kerana kaum Tamil merupakan golongan majoriti daripada jumlah imigran, bahasa Tamil mendapat keutamaan dan ciri-ciri sastera dalam bahasa ini muncul di negara ini.

Sebenarnya, sastera Tamil di negara ini merupakan sastera yang dibawa masuk dari Tamil Nadu. Dr. Dhandayudham, seorang cendekiawan sastera Tamil Moden berpendapat,

‘ Sastera Tamil Malaysia boleh diibaratkan cabang pokok ros yang ditanam di suatu tempat lain ’

Beliau juga menambah,

‘ Sastera Tamil Malaysia boleh diibaratkan sepasang pengantin lelaki dan perempuan bertolak dari rumah ibubapanya untuk memulakan kehidupan baru mereka ’³

Justeru itu, jelaslah bahawa peringkat permulaan sastera Tamil negara ini adalah unik kerana kemunculan bentuk-bentuk sastera di negara ini hanyalah ekoran daripada perkembangan sastera di Tamil Nadu. Walaupun begitu kematangan sastera Tamil di Tamil Nadu tidak dapat mengalir ke negara ini kerana kekurangan sasterawan dan juga pada peringkat awal sebahagian besar daripada kaum India di negara ini tidak berminat dalam usaha-usaha perkembangan sastera. Oleh yang demikian hanya segelintir yang mencintakan

sastera telah menceburkan diri dengan bersungguh untuk mewujudkan sastera Tamil di negara ini.

Bentuk kreatif sastera Tamil prosa yang terawal di negara ini ialah novel. Novel pertama ini berjudul *'Karunākaraṇ allatu kātaliṅ māṭci* (Karunakaran atau Kesucian Cinta), karya Vengadaratnam. Ianya dihasilkan pada tahun 1917⁴. Tetapi usaha-usaha dalam bidang novel tidak berterusan dan ia hanya dapat disaksikan semula dalam tahun 30an dan 40an. Genre yang kedua yang dapat dilihat dalam peringkat permulaan ini adalah sajak dan puisi. Di samping menghasilkan sajak, beberapa orang sasterawan telah menerbitkan antologi-antologi sajak atas usaha sendiri. Beberapa antologi sajak yang terawal ialah *'Vaṇṇai antāti'* (Bentuk Puisi), *'Vaṇṇai nakar Ūñcal'* (Bentuk Puisi), *'Siñkai nakar antāti'* (Puisi tentang Singapura) – 1887⁵ dan sebagainya. Cerpen merupakan genre prosa yang kedua muncul di dalam dunia kesusasteraan Tamil Malaysia. Sejarah perkembangan cerpen bermula dengan terbitnya karya Ve. Sinniah Pillai, iaitu, sebuah antologi cerpen bertajuk *'Navarāca katā mañcari: ivai iṇiya karpital kataikal'* (Antologi cerita beraneka ragam: ini adalah cerita-cerita seronok) dalam tahun 1930⁶. Walaupun sejarah perkembangan cerpen bermula dengan antologi tetapi akhbar-akhbar tempatan telah memainkan peranan yang penting dalam usaha menjadikannya sebagai genre yang berpengaruh. Akhbar Tamil Nesan yang lahir dalam tahun 1923⁷ telah mempelopori usaha ini. Artikel ini serterusnya akan membincangkan cerpen-cerpen yang tersiar dalam akhbar Tamil Nesan dalam tahun 1930an.

Cerpen-cerpen tahun 1930

Sebanyak 58 buah cerpen dapat dikesan siarannya dalam akhbar Tamil Nesan dalam tempoh ini. Jumlah ini meliputi cerpen yang diulangsiar dan dipetik daripada majalah-majalah seperti 'Thinakaran', 'Kalaimagal', 'Living Age', 'Bala India' dan sebagainya. Terdapat juga cerpen-cerpen yang dikarang oleh penulis-penulis tempatan.

Cerpen-cerpen yang dibawa oleh akhbar Tamil Nesan dalam tahun tiga puluhan merupakan cerita biasa sahaja. Kebanyakan daripada cerpen-cerpen ini tidak mempunyai ciri-ciri cerpen sebenar dan tidak boleh digolongkan dalam kategori cerpen. Namun begitu, sebagai bentuk karangan yang cuba membawa mesej tertentu melalui cerita, ia dapat digolongkan sebagai cerpen. Justeru itu dapat difahami bahawa cerpen-cerpen peringkat awal ini hanya mempunyai ciri-ciri yang paling asas yang diperlu oleh sebuah cerpen. Oleh itu cerpen-cerpen ini tidak dapat dikaji dengan mendalam. Maka artikel ini lebih merupakan sebagai satu pengenalan kepada cerpen-cerpen peringkat awal dengan perbincangannya berkisar atas tajuk-tajuk kecil seperti latar, tema dan watak-watak bangsa asing.

Latar

Cerpen-cerpen yang tersiar dalam tahun 30an ini dapat dibahagi kepada tiga kategori yang besar berdasarkan latarnya. Pertama, cerpen-cerpen yang berlatarkan daerah-daerah India ditulis dan disiarkan di India telah diulang siar dalam akhbar-akhbar tempatan. Cerpen '*Kalañka mutra katal*'⁸ (Cinta yang tergugat) karya yang telah tersiar dalam akhbar 'Hindu' terlebih dahulu menggunakan latar perkarangan Taj Mahal, Agra di India. Cerpen '*arpanukku pavisu vantāl*'⁹ (Orang Biasa Mendapat Kemakmuran) menggunakan latar kampung di Tamil Nadu dan karya ini tersiar terlebih dahulu dalam akhbar 'Thinakaran' di India. Karya-karya dari akhbar-akhbar 'Living Age'¹⁰, 'Bala India'¹¹ dan sebagainya juga disiarkan semula dalam akhbar-akhbar tempatan. Kedua, cerpen-cerpen yang dihasil oleh penulis-penulis tempatan dengan menggunakan latar daerah Tamil Nadu, India. Cerpen '*Carōjā*'¹² (nama seorang wanita) karya Raman B.A., '*Kurañkiñ Kaiyil Pūmālai*'¹³ (Kalung bunga di tangan monyet) karya S.S. '*Vālkkaić culai*'¹⁴ (pergolakan kehidupan) karya Ramachandran, '*Acaiyāl aṭainta nācam*'¹⁵ (Kecelakaan Kerana Keinginan) karya Ranganayagi dan sebagainya merupakan cerpen-cerpen yang tersiar dalam akhbar Tamil Nesan dengan menggunakan latar daerah Tamil Nadu, India. Ketiga, cerpen-cerpen yang dihasil oleh penulis-penulis tempatan dengan menggunakan latar daerah negara ini. Cerpen '*Katir Velu Kañkāñiyāna Katai*'¹⁶ (Kisah Kathirvelu menjadi mandor) dan cerpen '*Mūkkanturaiyaip pāmpu kaṭittatu*'¹⁷ (Pengurus Mookan dipatuk ular) telah membawa latar ladang getah Malaya. Cerpen '*Velvetṭuk Kullāi*'¹⁸ (Songkok kain songket) membawakan latar perkampungan Melayu. Cerpen '*Maṅam mārukiratu*'¹⁹ (Perubahan hati) dan cerpen '*toḷilālar cañkamum aptul mālikkum*'²⁰ (Kesatuan sekerja dan Abdul Malik) pula membawa latar bandar dengan mengisahkan peristiwa sedih yang berlaku dalam kehidupan pembantu-pembantu kedai.

Pada keseluruhannya cerpen-cerpen yang diulang siar dalam akhbar-akhbar tempatan dan sebahagian kecil daripada penulisan tempatan telah menggunakan latar daerah Tamil Nadu, India. Tetapi masih terdapat cerpen-cerpen hasil karya penulis tempatan yang telah menggunakan latar daerah Malaya. Ini menunjukkan penulis-penulis tempatan juga tidak ketinggalan dalam usaha mereka untuk menghasilkan karya-karya sastera Tamil tulen negara ini dengan mengarang cerpen-cerpen yang menggunakan latar daerah Malaya, iaitu ladang, kampung dan bandar.

Tema

Cerpen-cerpen tahun tiga puluhan membawa tema-tema dalam dua aliran, iaitu, yang berkisar atas masyarakat India di Tamil Nadu, India dan masyarakat India serta bangsa lain di Malaya. Cerpen-cerpen yang diulang

siar dalam akhbar-akhbar tempatan dan yang berlatarkan Tamil Nadu, India membincangkan tema-tema sosial dan peristiwa-peristiwa kehidupan seharian dalam masyarakat Tamil Nadu. Cerpen *'Carōjā'* (Nama seorang Wanita) bertemakan kemiskinan. Saroja, seorang gadis yang kehilangan ibubapa bersusah payah membesarkan adik lelakinya. Setelah ia berkahwin, adiknya telah ditinggalkan dalam jagaan saudaranya. Kemudian adik dan kakak tidak berpeluang bertemu dan akhirnya semasa perjumpaan berlaku suami Saroja yang salah sangka menembak Saroja lalu Saroja meninggal dunia. Cerpen *'Vāḷkkāic ḡulal'* (Pergolakan Kehidupan) juga membawa tema kemiskinan. Ia menceritakan kisah Gopal, anak seorang zamindar, menjadi miskin setelah ayahnya meninggal dunia. Ia terpaksa menempuh suatu penghidupan yang susah sehingga dapat hidup mewah. Cerpen *'Ācaiyāl aḡainta nācam'* (Kecelakaan kerana keinginan) membawa tema gagal dalam percintaan. Cerpen ini mengisahkan seorang pemuda yang ditipu oleh seorang pemuda lain yang menyamar sebagai seorang gadis.

Cerpen-cerpen yang berlatarkan daerah Malaya, selain daripada cerpen *'Mōlmīn muttukkrishnan allatu mōcakkāra tāktar'*²¹ (Molmin Muttuk-Krishnan ataupun doktor palsu) membincangkan tema-tema sosial dan peristiwa-peristiwa dalam kehidupan seharian. Cerpen *'Mōlmīn muttukkrishnan allatu mōcakkāra tāktar'* (Molmin Muttukrishnan ataupun doktor palsu) merupakan sebuah cerpen detektif. Cerpen ini menceritakan kisah Molmin Muttukrishnan yang melarikan diri dengan wang sebanyak 50,000 rupi dari Burma dan menyamar diri sebagai seorang pakar doktor bernama Dr. Raman serta menjalankan sebuah klinik di Malaya. Akhirnya detektif Newton membongkar rahsianya dan menangkap doktor palsu itu. Di samping itu cerpen *'Velvetḡuk Kullāi'* (Songkok kain songket) membincangkan tema kahwin paksa dengan membawa kisah sebuah keluarga Melayu. Abdullah balik ke kampung dari Singapura. Ayahnya cuba menikahkan Abdullah dengan anak imam, Fatimah. Tetapi Abdullah terlebih dahulu mempunyai seorang kekasih bangsa Cina, Cheng Niva. Ini menyebabkan Abdullah tidak menyetujui untuk berkahwin dengan Fatimah. Tetapi ayah Abdullah memaksa dia berkahwin dengan Fatimah. Abdullah menghantar songkoknya melalui Syed untuk menipu ibu bapanya bahawa ia telah meninggal dalam banjir di kampungnya. Semua percaya kematian Abdullah dan seterusnya Fatimah dikahwinkan dengan Ahmad. Kemudian Abdullah pulang ke kampungnya. Cerpen *'Mūkkāḡturaiyaip pāmpu kaḡittatu'* (Pengurus Mookan dipatuk ular) pual membawa kisah peristiwa di ladang getah. Tahun tiga puluhan merupakan peringkat awal penanaman getah di Malaya. Hutan-hutan ditebang untuk menanam getah, maka ular-ular yang sekian lama berada di hutan menyusur masuk ke kawasan perumahan di ladang getah. Justeru itu pekerja-pekerja ladang sentiasa berada dalam ketakutan. Untuk

meluahkan perasaan bencinya terhadap majikan yang menyebabkan situasi ini, maka pengarang telah menghasilkan cerpen ini sebagai sindiran. Cerpen ini menceritakan tentang seorang pengurus ladang, Morgan, yang berbangsa Inggeris telah terperanjat menyangka seutas tali pinggang sebagai ular lalu jatuh sakit dan setelah sembuh ia terus pulang ke England.

Watak-watak bangsa asing

Cerpen-cerpen yang diulang siar dan cerpen-cerpen yang berlatarkan daerah Tamil Nadu, India tidak mempunyai watak-watak bangsa asing. Tetapi cerpen-cerpen yang berlatarkan daerah Malaya mempunyai watak-watak bangsa asing. Cerpen '*Velvetṭuk kullāi*' (Songkok kain songket) sepenuhnya mempunyai watak-watak bangsa Melayu. Cerpen ini juga turut menyebut nama seorang gadis Cina iaitu 'Cheng Niva' sebagai kekasih kepada Abdullah. Cerpen '*Mōlmin muttukrishnan allatu mōcakkāra taṭṭar*' (Molmin muttukrishnan atau doktor palsu) juga mempunyai watak-watak berbilang bangsa seperti orang Burma, orang Cina Malaya dan orang Inggeris. Cerpen '*Pāttimāviṇ taḷukku*'²² (Kecantikan Fatimah) juga mempunyai watak seorang gadis Melayu sebagai watak utama. Cerpen '*Mūkkanturaiyaip pāmpu kaṭittatu*' (Pengurus Mookan dipatuk ular) pula mempunyai watak utama iaitu Morgan, seorang bangsa Inggeris sebagai penggerak cerita, malah cerpen itu sendiri merupakan kisah pengalaman pengurus itu.

Kesimpulan

Pada peringkat tahun tiga puluhan bidang cerpen Tamil negara ini berada di bawah pengaruh kuat Tamil Nadu. Akbar-akhbar tempatan juga lebih gemar mengulang siar cerpen-cerpen, hasil karya penulis-penulis Tamil Nadu. Walaupun begitu, keadaan ini tidak dapat menghalang usaha penulis-penulis tempatan untuk menghasilkan karya-karya yang memperlihatkan ciri-ciri negara ini. Malah karya-karya Tamil Nadu secara tidak langsung membantu penulis-penulis tempatan dalam usaha mereka untuk menghasilkan karya-karya yang berunsurkan ciri-ciri negara ini. Percubaan penulis-penulis tempatan untuk menulis karya-karya bercorak tempatan, membuktikan mereka telah mula melepaskan diri dari kongkongan Tamil Nadu. Cerpen '*Katirvēlu! Kaṅkāniyāna katai*' (Kisah Kathirvelu menjadi mandor) '*Mūkkanturaiyaip pāmpu kaṭittatu*' (Pengurus Mookan dipatuk ular) dan '*Velvetṭuk kullāi*' (Songkok kain songket) adalah bukti yang jelas menunjukkan wujudnya sastera Tamil tulen negara ini. Kini bidang cerpen Tamil Malaysia telah berkembang pesat dan ia merupakan suatu cabang sastera Tamil Malaysia yang sangat subur.

NOTA KAKI:

1. Sir Richard Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, (Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972), hal. 34.
2. *Ibid*, hal. 35.
3. Dhandayudham, R. *Tarkkala Tamil Ilakkiyam*, (Madras, 1983), hal. 111.
4. *Ibid*, hal. 114, 115.
5. *Ibid*, hal. 109.
6. Subramaniam, N. *A Critical Study of Malaysian Tamil Short Stories (1930-1979)*, (Universiti Malaya, 1980), hal. 4.
7. Rama Subbiah, *Tamil Malaysiana*, (Universiti Malaya, 1969), hal. 61.
8. *Tamil Nesan*, 1-10-1937, hal. 8.
9. *Ibid*, 26.1.1935, hal. 7.
10. *Ibid*, 15.5.1937, hal. 4.
11. *Ibid*, 30.5.1936, hal. 12.
12. *Ibid*, 21.4.1936, hal. 2.
13. *Ibid*, 3.4.1937, hal. 4.
14. *Ibid*, 5-12-1939 dan 6-12-1939, hal. 6, 8.
15. *Ibid*, 11-12-1939, hal. 8.
16. *Ibid*, 3-4-1937, hal. 4.
17. *Ibid*, 2-8-1933, hal. 18.
18. *Ibid*, 1-4-1938, hal. 3.
19. *Ibid*, 23-11-1938, hal. 3, 8.
20. *Ibid*, 28.1.1939, hal. 2, 10.
21. *Ibid*, 2-8-1933, hal. 7, 14.
22. *Ibid*, 15-3-1939, hal. 6.

BIBLIOGRAFI

1. Sir Richard Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.
2. Dhandayudham, R. *Tarkkala Tamil Ilakkiyam*, Madras, 1983.
3. Subramaniam, N., *A Critical Study of Malaysian Tamil Short Stories (1930-1979)*, University Malaya, 1980.
4. Rama Subbiah, *Tamil Malaysiana*, Universiti Malaya, 1969.
5. *Tamil Nesan*, 1933 - 1939.